

# PM timbang tuntutan kenaikan gaji sektor awam

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI dan HAMDEN RAMLI

**KUALA LUMPUR** 15 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan akan menimbang secara serius terhadap tuntutan kenaikan gaji dalam sektor awam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan mengenai tuntutan tersebut beberapa hari lalu dan keputusan mengenainya hanya akan diambil setelah melihat kemampuan negara.

"Buat masa ini kerajaan masih menimbang tuntutan tersebut. Kita tidak mahu kenaikan itu akan menyebabkan inflasi.

"Apabila naik gaji, naik pula harga barang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk (PPP) Malaysia Ke-53 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai tuntutan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya gaji kakitangan awam dinaikkan di antara 10 dan 40 peratus kerana kenaikan kos sara hidup dan prestasi kerja yang meningkat.

Sementara itu, Abdullah turut mengulas mengenai ucapan Presiden PPP, Datuk M. Kayveas yang menyatakan bahawa perjalanan sistem penyampaian sektor awam masih lagi di tahap lama, berteraskan perlakuan.

Justeru, Kayveas telah mencadangkan supaya proses mengeluarkan semua kelu-

usan seperti lesen, permit dan sebagainya diwajibkan dalam tempoh dua minggu.

Kata Perdana Menteri, sistem penyampaian sektor awam bukan tidak berubah, sudah banyak perubahan yang berlaku tetapi masih belum cukup lagi.

Bagi memperbaiki sistem itu, jelasnya, kerajaan telah membentangkan satu rang undang-undang di Parlimen berkaitan dengan kelulusan permit, lesen dan projek-projek perumahan baru-baru ini.

"Apabila dilaksanakan kelak, kelewatan yang berlaku selama ini akan dapat diatasi," katanya.

Selain itu, jelasnya, bagi meningkatkan kecekapan kakitangan sektor awam, kursus-kursus yang berkaitan dengan produktiviti akan terus dilaksanakan dan memperluaskan penggunaan komputer untuk semua urusan pentadbiran.

"Malah, saya telah meminta Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk memaklumkan dari semasa ke semasa tindakan seterusnya mempercepatkan proses penyampaian terutama di pejabat daerah," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Perdana Menteri, pada Mesyuarat Fizikal pagi tadi, diputuskan pembangunan Koridor Utara, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak akan mengikut acuan Wilayah Pembangunan Iskandar.

**ABDULLAH Ahmad Badawi** melihat cenderamata yang diberikan oleh **M. Kayveas** selepas merasmikan Perhimpunan Agung PPP di Kuala Lumpur, semalam.

Buat masa ini kerajaan masih menimbang tuntutan tersebut. Kita tidak mahu kenaikan itu akan menyebabkan inflasi

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri